

DARI MEJA KETUA EDITOR

Coretan 2021 | Terima Kasih Barisan Hadapan (Frontliner)

Lebih setahun kita bergelut dengan wabak pandemik Coronavirus (COVID-19). Ia memberi kesan perjalanan norma baharu terhadap kehidupan manusia sejagat. Tangisan dek kehilangan insan tersayang akibat wabak ini tidak dibendung lagi. Seperti negara-negara lain, kerajaan berusaha mengatasi serangan COVID-19 agar ianya terkawal dan tidak menular.

Begitu juga jika diimbias suasana kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebelum wabak melanda. Kemeriahan keletah mahasiswa tidak lagi kelihatan dan kedengaran seperti dahulu.

Rentetan kehidupan norma baharu berlandaskan pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara, kebanyakan program dan aktiviti berlangsung secara dalam talian. Ke mana-mana sahaja kita pergi, kita terikat dengan SOP seperti yang disarankan oleh kerajaan. Susah senang mematuhi SOP, kita harus lalui. Semuanya demi keselamatan kita dan keluarga. Alhamdulillah, sistem pentadbiran universiti tetap berjalan dengan lancar dan sempurna. Cuma kaedah pembelajaran berbeza - pelajar kebanyakannya masih berada di kampung halaman.

Kami di Bahagian Komunikasi Korporat (BKK), memikul amanah terhadap arahan tugas. Semua unit menjalankan fungsinya demi memenuhi harapan dan hasrat universiti. Syukur, buletin INSPIRASI edisi pertama bagi tahun 2021 ini akhirnya dapat diterbitkan jua walaupun dibatasi kemelut COVID-19.

Selain INSPIRASI, BKK berjaya menyebarkan bahan publisiti kepada media massa termasuk portal-portal berita dan media sosial rasmi universiti.

Terima kasih kepada semua pusat tanggungjawab yang berganding bahu bersama BKK dalam menyediakan bahan publisiti demi mengharumkan nama universiti tercinta ini.

Semoga UPSI yang sedang menyambut ulang tahun ke-100 sejak zaman Sultan Idris Training College (SITC) akan terus melakar pelbagai kejayaan manis. Itu harapan kita semua.

Ketua Editor

Dr. Ghazali bin Din

INSPIRASI

UPSI diterbitkan dua kali setahun oleh Bahagian Komunikasi Korporat. Sidang Editor berhak melakukan penyuntingan artikel yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Kami mengalu-alukan sumbangan seperti berita dan rencana untuk dimuatkan dalam **INSPIRASI UPSI** dan boleh dikirimkan secara emel kepada ghazali_din@fbk.upsi.edu.my.





02 UKLK ANJUR PROGRAM SUKARELAWAN



24 DATO' (DR.) IR. MUHAMMAD GUNTOR DILANTIK PROF ADJUNG DI FSM

05 UPSI LANCAR MISI BANTUAN PASCA BANJIR DI SLIM RIVER

31 PDPR BAHASA ARAB GAMIFIKASI PINTAR A-SMART LU'BAH

09 UPSI SUMBANG 135 KOTAK AIR

21 UPSI PROAKTIF BANTU KOMUNITI MUALLIM



24



09



31

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran

KETUA EDITOR

Dr. Ghazali Din

WARTAWAN

Sajaratul Nor Kasim
Mohd. Nazirul Afiq Ismail

REKA LETAK & GRAFIK

Amira Syahira Abd Rahman

JURUFOTO

Fisol Ahmad
Shahidah Abu Hassan
Nurul Hasniza Mohd Rashid

UKLK ANJUR PROGRAM SUKARELAWAN



UPSI, 2 Januari - Unit Kediaman Luar Kampus (UKLK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Keluarga dan Sains Konsumer (FACSA) dan Pusat Islam menyampaikan sumbangan berupa Peralatan Perlindungan Muka dan makanan tengahari kepada petugas barisan hadapan di daerah Muallim.

Pengetua Unit Kediaman Luar Kampus (UKLK), Prof. Madya Ts. Dr. Che Ghani Che Kob berkata,

kedua-dua sumbangan itu disampaikan dalam program kesukarelawan iaitu Thank You To Our Heroes dan program Rice and Love.

"Sumbangan sebanyak 300 unit peralatan perlindungan muka adalah dihasilkan sendiri secara Do It Yourself (DIY) oleh pelajar dari Majlis Mahasiswa Kediaman Luar Kampus 2020/2021 (MMKLLK) sebagai tanda penghargaan di atas jasa yang diberikan oleh barisan hadapan dalam memerangi wabak COVID-19.

"Manakala program Rice and Love pula menggunakan kepakaran ahli Persatuan Mahasiswa Keluarga dan Sains Konsumer (FACSA) untuk membantu memasak makanan tengah hari dan memantau dari segi kualiti makanan dalam keadaan bersih dan selamat untuk disumbangkan kepada barisan hadapan kita," katanya.

Tambah beliau, selain mengeratkan hubungan antara UPSI dengan komuniti luar disamping menghargai jasa pengorbanan barisan hadapan, program tersebut memberi pengalaman dan

peluang berharga kepada golongan mahasiswa apabila sudah bergelar graduan agar dapat menjadi pemimpin yang mempunyai jiwa kesukarelawan seperti keseronokan membantu orang meskipun seseorang itu berada dalam kesusahan ataupun tidak.

Aktiviti penyerahan sumbangan yang diadakan di Klinik Kesihatan, Balai Bomba dan Balai Polis, Tanjong Malim ini turut disertai oleh Pengetua UKLK, Penasihat Program, Pengarah Program, Ketua Felo UKLK, wakil Felo UKLK dan Penasihat dan Pengarah Program bersama FACSA.

Sementara itu, Pengarah program Thank You To Our Heroes dan Rice & Love, selaku Exco Komuniti dan Kesukarelawan (MMKLLK), Nurul Izaty Mohamad Kahar berkata, meskipun menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan program tersebut, semua ahli berasa gembira kerana dapat memberikan bantuan dan sumbangan kepada orang disekeliling kita.

“Program ini dapat memberi peluang kepada mahasiswa dalam mempertingkatkan pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah serta dapat mengaplikasikan semangat sukarelawan dalam kehidupan bermasyarakat apabila mahasiswa melangkah ke dunia luar,” katanya.



PROF. DATUK SERI DR. AWANG SARIYAN SUMBANG BUKU KOLEKSI PERIBADI KEPADA PTB



Oleh : Anis Syazwani Mohmed Azmi (Pelajar Praktikal UiTM Arau)

UPSI, 7 Januari - Sebanyak 434 naskah buku dari koleksi peribadi, Penyanggah Kursi Za'ba, Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan diserahkan kepada Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB) dalam satu majlis di Auditorium, PTB.

Menurut Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan, penyerahan itu bertujuan menambah dan berkongsi bahan ilmiah di PTB agar dapat dimanfaatkan oleh semua pihak khususnya kepada golongan pelajar dan penyelidik.

"Bahan bacaan ibarat rumput atau tumbuhan yang apabila ditebas, ia tetap akan tumbuh sekali lagi. Walaupun buku-buku yang terdapat di rumah saya telah dikatalogkan dan sebahagian besar bahan dan buku itu banyak diinfakkan kepada Pusat Institusi Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka tetapi ternyata ruang tersebut dengan cepat dipenuhi oleh buku-buku yang dibeli atau dihadiahkan kepada saya," katanya.

Tambah beliau, rak-rak yang terdapat rumahnya juga akan dibawa ke perpustakaan agar tidak membebankan PTB untuk membeli rak khas bagi menempatkan koleksi tersebut.

Beliau turut berjanji akan meneruskan kerjasama yang terjalin dengan universiti walaupun beliau tidak lagi menjadi warga UPSI.

"Terdapat beberapa projek-projek yang dilakukan oleh saya bersama Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, antaranya mendapat kelulusan geran

pendidikan daripada Jabatan Warisan Negara sebanyak RM50 ribu. Saya akan meneruskan projek tersebut dengan sokongan daripada pihak saya dan pihak Institusi Peradaban Melayu (IPM),".

"Jika terdapat projek-projek baharu pada masa akan datang saya juga akan berkongsi dengan IPM. Dalam erti kata lain, saya tidak akan meninggalkan UPSI serta terus mengangkat ilmu bagi sastera budaya dalam aspek peradaban," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi), Profesor Dr. Suraini Abu Bakar turut berterima kasih kepada tokoh bahasa itu atas sumbangan yang tidak ternilai serta merakamkan penghargaan sepanjang perkhidmatan beliau dengan UPSI.

"Sebanyak 69 naskah daripada buku tersebut merupakan karya Datuk Awang Sariyan dan kebanyakan buku-buku yang disumbangkan itu tiada dalam koleksi PTB," katanya.

Hadir sama, Pengarah Institut Peradaban Melayu, Profesor Madya Dr. Samsudin Suhaili, dan Pemangku Ketua Pustakawan, Cik Noriah Mohamad.

Profesor Datuk Seri Dr. Awang Sariyan dilantik sebagai Penyanggah Kursi Za'ba pada pada 1 Julai 2019.



UPSI LANCAR MISI BANTUAN PASCA BANJIR DI SLIM RIVER

Slim River, 7 Januari – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menghantar 140 sukarelawan terdiri dari mahasiswa dan kakitangan untuk Misi Bantuan Pasca Banjir di Daerah Muallim baru-baru ini.

Pengarah UCTC, Dr. Norkhalid Salimin berkata, sebelum pihaknya turun membantu mangsa-mangsa banjir, pihak RESQ Team UPSI mengambil inisiatif melawat kawasan tapak banjir mengambil kira jumlah penduduk setempat serta anggaran kerosakan yang memerlukan bantuan khidmat pihak universiti.

“Setelah perbincangan, kami mengenalpasti barang kelengkapan dan alat pembersihan yang diperlukan seperti water jet, penyapu, penarik air, sarung tangan, but getah dan lain-lain,” katanya.

Tambah beliau, dalam misi yang dilaksanakan pada 5 Januari lalu, pihaknya menghantar dua pasukan untuk membantu mangsa banjir di dua buah kampung iaitu Kampung Balun dan Kampung Lintah Piong.

“Semasa kami tiba di sana, keadaan banjir di Kampung Balun sudah semakin surut dan kerja pelaksanaan proses pembersihan dengan

membawa keluar isi rumah yang rosak ditenggelami air banjir seperti sofa, almari, pakaian dan lain-lain. Setelah itu, barulah kami memulakan sesi mencuci dan membersihkan rumah dari lumpur air banjir tersebut.

Ketika pihak sukarelawan tiba di Kampung Lintah Piong, banjir masih belum surut dan kami hanya dapat membantu mengeluarkan air banjir yang masih bertakung menggunakan alat water jet dan menyalurkan air banjir tersebut dari kawasan rendah ke aliran sungai,” katanya.

Pada 6 Januari, misi diteruskan di Kampung Kuala Slim dan turut mendapat bantuan dari beberapa agensi lain termasuk pihak RELA dan Tentera.

Antara pusat tanggung jawab dari UPSI yang terlibat dalam misi itu ialah Pusat UPSI ResQ, Kolej Aminuddin Baki, Kolej Za’ba, Kolej Ungku Omar, Kolej Awang Had Saleh, Kolej Harun Aminurrashid, dan Unit Kediaman Luar Kampus.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni, Profesor Madya Dr. Md Amin Md Taff.



MURAL KENANG JASA PEJUANG SENI, BAHASA DAN BUDAYA

UPSI, 12 Januari - Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) UPSI kali ini menyambut kedatangan tahun baru 2021 dengan penuh kesyukuran melalui lukisan mural beberapa sasterawan terkemuka dunia serta pejuang seni budaya dan bahasa sebagai mengenang jasa dan pergorbanan mereka di bangunan fakulti itu.

Mural terbesar yang menyambut kedatangan setiap pelawat ke FBK ialah wajah Allahyarham Tan Sri Dr Zainal Abidin Ahmad atau begitu dikenali sebagai Pendeta Za'ba. Beliau adalah tokoh bahasa, pemikir dan cendekiawan Melayu yang berjaya meletakkan asas pembangunan serta perkembangan Bahasa Melayu melalui penulisan dan sewajarnya diberi sedikit keistimewaan.

Selain itu, tokoh-tokoh sasterawan yang turut diabadikan dalam bangunan FBK ialah Tan Sri A. Samad Ismail. Beliau adalah tokoh sasterawan dan pejuang Bahasa Melayu, aktivis politik dan kesatuan sekerja, serta seorang pejuang hak asasi manusia. Turut menghiasi dinding fakulti

ialah Sasterawan Negara, Datuk A.Samad Said, dan tokoh pendidikan, Tan Sri Aminudin Baki.

Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau Hamka yang terkenal di Indonesia juga diraikan di FBK. Beliau dengan gelaran "Buya" merupakan Ketua Majelis Ulama Indonesia, salah satu daripada pertubuhan agama Islam yang terbesar di Indonesia selain Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah. Wajah tokoh seni P. Ramlee juga dipaparkan dengan diiringi kata-kata hikmahnya.

Dekan FBK, Profesor Madya Dr. Mazura@ Mastura Muhammad berkata projek usahasama dengan pasukan pelukis Mamat Khalid sepanjang dua bulan itu antaranya bertujuan memberikan keceriaan kepada pelajar, kakitangan dan pelawat ke fakulti.

wBeliau berkata setiap mural memberikan peluang kepada kita untuk mengenang kembali dan mengambil iktibar daripada ikon-ikon

terkenal yang pernah mengoncang dunia yang mempamerkan ketekunan dan keazaman dalam perjuangan mereka.

"Kita perlu sentiasa menghargai pengorbanan mereka dan meneruskan kesinambungan jasa mereka sebagai tanda kenangan kita," katanya.

Beliau menjelaskan mural-mural itu merupakan karya seni yang paling mudah untuk mendapat pengajaran melalui kata-kata mutiara daripada tokoh-tokoh dan cendekiawan berkenaan. Ciri khas lukisan mural adalah elemen seni bina ruang yang digabungkan secara harmoni menjadi gambar.

*Timbalan Dekan
(Akademik dan Antarabangsa)
Dr. Ariff Mohamad berswafoto di hadapan mural
Pendeta Za'ba*





SESI 'CLOCK OUT' NAIB CANSOLOR

UPSI, 8 Februari – Tanggal 7 Februari merupakan hari terakhir bagi Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran berkhidmat sebagai Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang ke-enam.

Justeru, suatu majlis ringkas sempena sesi clock out diadakan di lobi Bangunan Canselori sebagai tanda penghargaan kepada beliau sepanjang menerajui UPSI.

Dalam satu ucapan yang diemelkan kepada kakitangan, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga UPSI yang memberikan sokongan padu sepanjang menerajui universiti ini.

"Penghargaan istimewa kepada individu dan kumpulan yang merupakan tulang belakang kepada kepimpinan saya di UPSI. Mereka adalah barisan Pengurusan Tertinggi UPSI, Dekan, Pengarah, Ahli Peka, Prestasi dan KPA, Barisan Majlis Perwakilan Pelajar serta seluruh warga UPSI," ucap beliau.

Profesor Dato' Dr. Mohammad Shatar dilantik sebagai Naib Canselor pada 24 Februari 2017 hingga 23 Februari 2020 menggantikan Profesor Dato' Dr. Zakaria Kasa yang bersara.

Beliau kemudian dilantik semula sebagai Naib Canselor berkuatkuasa 24 Februari 2020 sehingga 23 Februari 2022. Pelantikan tersebut adalah suatu kepercayaan dan amanah yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk terus menerajui universiti sekali gus menjayakan agenda mengukuhkan serta meningkatkan imej UPSI.

Walau bagaimanapun sebelum tamat lantikan tersebut, beliau diangkat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) berkuat kuasa 8 Februari 2021 menggantikan Profesor Datuk Dr. Husaini Omar yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi baharu.



Tanjong Malim, 11 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyerahkan sumbangan air mineral sebanyak 135 kotak kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim sebagai tanda prihatin terhadap anggota barisan hadapan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff, berkata anggota polis memberi sumbangan yang besar dalam mendepani ancaman pandemik COVID-19.

"Penyerahan ini diharap dapat menyuntik motivasi anggota petugas barisan hadapan terutamanya anggota polis yang bertugas di sekatan jalan raya dalam keadaan cuaca panas terik," katanya selepas menyampaikan sumbangan itu di IPD Muallim.

Hadir sama, Bendahari UPSI, Mohamad Najib Mohamed; Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Profesor Madya Dr. Nor Khalid Salimin; Ketua Pegawai Eksekutif UPSI Holdings, Radzuan Razali dan Orang Besar Jajahan Muallim, Datuk Dr. Safry Kamal Ahmad.

Sumbangan dari Tabung UPSI Prihatin yang diwujudkan Jabatan Bendahari itu adalah inisiatif UCTC dan UPSI Holdings sebagai penghargaan terhadap anggota barisan hadapan IPD Muallim.

Sementara itu, Timbalan Ketua Polis Daerah Muallim, Deputy Superintendan Koo Tai Chew sangat berterima kasih di atas sumbangan yang



telah diberikan. Hal ini secara tidak langsung dapat menjadi penyuntik semangat dan motivasi anggota yang bertugas.

AURORA UPSI TINGKAT KECEKAPAN ANGGOTA BOMBA, PERTAHANAN AWAM



Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi 'Adventure Leadership and Outdoor Recreation Academy' (AURORA), Pusat Kokurikulum menjalin kerjasama dengan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSKj) bagi menjalankan program pemindahan pengetahuan kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Muallim.

Pengarah Pusat Kokurikulum Dr Mazuki Mohd Yasim berkata program yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 20 dan 21 Mac itu bertujuan untuk membantu meningkatkan kecekapan dan kesiapsiagaan jabatan berkenaan dalam menghadapi bencana banjir pada masa akan datang.

"Melalui program ini pihak jabatan terbabit dilatih tentang ilmu berkaitan prinsip asas menyelamatkan dan morfologi sungai," katanya.

Beliau berkata selain itu kemahiran menyelamatkan secara praktikal turut dilaksanakan dengan intensif yang memfokuskan kepada tindakan pantas dan keputusan tepat sewaktu operasi menyelamatkan.

Latihan amali di kawasan berarus deras dan mencabar, katanya, sengaja dipilih agar menyamai situasi sebenar sewaktu operasi mencari dan menyelamatkan dijalankan.



Beliau yang juga Pengerusi Lembaga Pendidikan Kanu Malaysia yang mengetuai kursus berkenaan berkata pelaksanaan kursus itu mengguna pakai silibus Lembaga Pendidikan Kanu Malaysia yang berhasrat membantu pihak kerajaan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan supaya pihak terbabit dapat menyumbang semula kpd masyarakat sewaktu berlakunya bencana.

“Sebagai sebuah universiti pendidikan yang mempunyai sebuah akademi kepimpinan rekreasi luar yang menjadi rujukan negara, adalah amat relevan untuk UPSI berkongsi dengan masyarakat agar bidang pengetahuan dapat disebar luaskan kepada semua dan menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti hidup masyarakat”, katanya.

Bagi Ketua Balai Bomba Dan Penyelamat Daerah Muallim, Mohd Zairul Fahmi Mohd Nazari, Kursus Swiftwater Rescue Ini Amat bermanfaat utk anggota penyelamat.

“Pendekatan yang digunakan oleh jurulatih dalam kursus ini amat bertepatan kerana pendedahan di sungai dalam situasi berarus deras sama dengan situasi sebenar,” katanya.

Sementara itu, Kapten Shahrizal Hussin dari Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah



Muallim berpendapat selepas mengikuti kursus ini beliau dan anggotanya dapat meningkatkan banyak ilmu baru yang akan dapat digunakan semasa operasi mencari dan menyelamatkan nanti.



UPSI, MBSP, URBANEST BANGUNKAN PUSAT PENDIDIKAN HIJAU



Oleh : Mohamad Hisyam Mohammad (Pelajar Praktikal
Universiti Malaysia Kelantan)

SEBERANG PERAI, 23 Mac - Majlis Bandaraya Seberang Perai, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Urbanest Sdn Bhd menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bagi menjalinkan kerjasama

strategik menubuhkan Pusat Pendidikan Hijau Padang Chempedak, Tasek Gelugor Pulau Pinang.

Timbalan Naib Canselor hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA) yang memangku Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff berkata, kerjasama itu bakal memberikan manfaat yang menyeluruh kepada komuniti dan UPSI berbangga dapat mencurahkan ilmu dan pengetahuan kepada golongan komuniti dan masyarakat MBSP.



“Besarnya harapan agar projek ini diteruskan dan disebar luas di seluruh negeri Pulau Pinang serta negara agar ia dapat dijadikan sebagai model oleh MBSP dan Urbanest Sdn Bhd dalam melahirkan masyarakat

yang lestari terhadap alam sekitar,"katanya.

Dalam pada itu tanah seluas 1.4 ekar di Padang Chempedak akan dimanfaatkan sebagai tempat pembangunan Edu-Green Centre menggunakan sistem mesra alam seperti akuaponik, fertigasi, kompos, kraf, 'Internet Of Thing' (IOT) dan sensor-e-pendidikan hijau. Sekaligus akan menjadi pusat penyelidikan pelbagai disiplin aktiviti hijau seperti pengkomposan, kebun komuniti serta 'upcycle' ke arah mengurangkan sisa.

Edu-Green Centre Padang Chempedak juga mampu memberikan impak positif kepada komuniti di samping meningkatkan taraf kesihatan serta mewujudkan inovasi baharu serta mencipta peluang kepada belia untuk menjadi petani bandar.

MoU ditandatangani Profesor Dato' Dr Md Amin bersama Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Dato' Sr Haji Rozali Haji Mohamud dan Pengarah Urusan, Urbanest Sdn Bhd, Karthigayan Gunasegaran.

Menerusi MoU ini, ketiga-tiga pihak akan mengadakan 'Training of Trainer's' (ToT) yang



akan melibatkan kursus dan bengkel kepada komuniti; mengadakan kajian dan konsultasi; menyediakan modul latihan dan bengkel; bekerjasama dalam menyediakan dana dan sumbangan; bekerjasama mewujudkan pertandingan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan; memantau keberkesanan program; saling bertukar kepakaran dalam bidang masing-masing.





UPSII LANCAR 'GEROBOK KASIH @ UPSI' BANTU PELAJAR, PEKERJA DAN PENDUDUK KOMUNITI SETEMPAT YANG TERJEJAS

UPSII, 24 Mac – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII) hari ini melancarkan bantuan dengan menyediakan barangan keperluan asas berbentuk makanan kering kepada pelajar, pekerja dan penduduk komuniti setempat sekitar daerah itu.

Naib Canselor, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, usaha itu digerakkan oleh pihaknya sebagai salah satu inisiatif pusat pengajian terulung yang cakna terhadap kebajikan warganya berdasarkan keadaan semasa.

"Sebagai sebuah universiti yang sentiasa prihatin terhadap kebajikan pelajar dan warganya, UPSII telah melaksanakan pelbagai inisiatif di setiap peringkat pengurusan bagi membantu keperluan semasa apatah lagi ketika masa-masa sukar sejak wabak pandemik melanda seluruh dunia tahun lepas," katanya dalam majlis pelancaran yang diadakan di Perhentian Bas, Taman U, Tanjung Malim.

Menurut beliau, sebelum ini pelbagai inisiatif berbentuk kebajikan dilaksanakan melalui wakaf dan endowment, selain pelaksanaan kempen pemotongan gaji untuk membantu pelajar

berkeperluan khas dan B40 melalui Tabung Alumni Care serta Tabung Kebajikan Pekerja dilancarkan.

"Hubungan akrab antara UPSII dan warga Tanjung Malim ibarat isi dengan kuku, mungkin ada juga di kalangan masyarakat hidup susah, tetapi malu untuk meminta-minta. Sesuai dengan konsep 'Ambil jika perlu, beri jika mampu', diharapkan kehadiran 'Gerobok Kasih@UPSII' yang terletak di bahagian pintu timur Kampus Sultan Abdul Jalil, Tanjung Malim, ini memberi sedikit sinar tanpa mereka perlu meminta izin mendapatkan barangan keperluan demi sesuap nasi," tambah beliau lagi.

Usaha strategik jabatan pentadbiran universiti

Sementara itu, Pendaftar, En. Helmi Zaifura Abdul Rahman berkata, UPSII menyambut baik pelaksanaan yang dilakukan oleh pihak pengurusan universiti dengan kerjasama jabatan-jabatan pentadbiran seperti Bahagian Sumber Manusia, Unit Kediaman Luar Kampus, Pusat Alumni dan Bahagian Komunikasi Korporat yang berganding bahu mendapatkan dana dan

melestarikan hubungan antara universiti serta masyarakat setempat.

“Kerjasama yang ditampikan jabatan-jabatan pentadbiran wajar dikembangkan dan diteruskan supaya dapat membuka mata komuniti berhampiran bahawa mereka tidak bersendirian menghadapi waktu-waktu sukar sebegini. Sesuai dengan penglibatan Gerobok Kasih@UPSI bersama komuniti, saya menyeru agar kita bersama-sama menyumbang barangan keperluan harian di Gerobok Kasih@UPSI yang disediakan ini,” jelas beliau.

Menurut En.Helmi lagi, pihaknya bercadang untuk menambah lagi beberapa Gerobok Kasih@UPSI di beberapa bahagian berhampiran kampus sekiranya mendapat sokongan oleh warga komuniti

setempat. Jika anda mahu menyumbang atau mempunyai sebarang pertanyaan, boleh hubungi Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Pn. Suriati Ismail di talian +60 17-667 8299.



PUA ANJUR PROGRAM PENSIJILAN PROFESIONAL ULUL ALBAB PERINGKAT LANJUTAN SIRI 2



Tanjong Malim, 6 April - berlangsungnya program Pensiujian Profesional Ulul Albab Peringkat Lanjutan untuk ahli Kelab Sahabat Ulul Albab yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Program Pensiujian ini telah dilaksanakan melalui platform 'Google Meet' dengan penglibatan seramai 67 orang peserta yang terdiri daripada ahli kelab Sahabat Ulul Albab (KeSUA).

Program ini merupakan program utama bagi Pusat Ulul Albab. Program ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mahir dalam tiga (3) komponen utama Ulul Albab serta dapat memberi nilai tambah kepada pelajar yang juga rata-ratanya terdiri daripada bakal guru apabila mereka selesai bergraduat nanti.

Pengisian yang diberikan kepada peserta adalah berkisarkan modul utama Ulul Albab iaitu modul bagi Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik (Q,E,I). Pelbagai modul yang menarik dikongsikan oleh




barisan panel jemputan yang sangat hebat terdiri daripada Pensyarah atau lebih dikenali sebagai 'Talent Pool' Pusat Ulul Albab bagi mengendalikan slot dalam bidang masing-masing yang menjurus kepada tiga komponen Ulul Albab (Q,E,I) tersebut sepanjang program berlangsung.

KESUA ANJUR BENGKEL AWESOME POSTER

TANJONG MALIM, 11 April – Exco Media dan Publisiti Kelab Sahabat Ulul Albab (KeSUA) telah menganjurkan program BENGKEL AWESOME POSTER bersama Cik Aaida Nabiihah Zuraidin, dari UITM, Kampus Kota Bharu. Program ini telah berlangsung selama 2 jam bermula daripada jam 8.30 malam sehingga 10.30 malam secara atas talian di platform 'Google Meet'. Seramai 56 orang peserta telah mengambil bahagian dalam bengkel ini. Program ini bertujuan untuk mendedahkan kepada para peserta berkenaan cara untuk menghasilkan poster yang menarik dengan hanya menggunakan perinsian 'Adobe Photoshop'. Bengkel ini memberi pendedahan asas berkaitan cara menggunakan 'Adobe Photoshop' dengan mudah.

Cik Aaida merupakan seorang penceramah yang mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam penggunaan 'Adobe Photoshop'. Dengan adanya program sebegini diharap ianya dapat menambah kemahiran para peserta terutamanya ahli KeSUA.



UPSI PERKENAL MODUL BANTU WARGA EMAS



Oleh: Megat Afnan Zuhairi Ahmad Hassan (Pelajar Praktikal UiTM)

UPSI, 3 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) memperkenalkan Kit SENSES yang mampu merangsang deria sensori warga emas bagi membantu mereka merasa lebih gembira dan memperoleh kesejahteraan hidup melalui pelbagai aktiviti yang menarik.

Ketua Projek SENSES, Dr. Hapsah Md Yusof berkata, beliau bersama rakan penyelidik menghasilkan kit ini sebagai inisiatif bagi mendekati dan menyantuni warga emas yang kebanyakannya kehilangan lima deria utama atas faktor umur.

"Modul SENSES merangkumi empat komponen utama, iaitu psikomotor, kognitif, afektif dan spiritual.

"Komponen psikomotor berperanan sebagai penggerak motor halus mereka supaya menjadi lebih aktif, manakala komponen kognitif mampu merangsang pemikiran mereka untuk lebih mencabar dalam menyelesaikan permasalahan di dalam permainan," katanya.

Menurut beliau, bagi komponen afektif, ia mampu membantu warga emas untuk menzahirkan serta menambah refleks terhadap perasaan mereka melalui aktiviti berkaitan kesenian, dan komponen spiritual pula mendekatkan warga emas terhadap alam sekitar serta maksud tersurat dan tersirat di dalam kepercayaan yang dianuti oleh mereka.

"Modul SENSES yang berinovasikan permainan 'puzzle' magnetik ini amat bersesuaian dengan warga emas yang mengalami 'bedridden' atau terlantar dan tidak boleh bergerak," ujar beliau.

Tambahnya lagi, kit modul itu bersesuaian dengan sukarelawan yang ingin membantu warga emas yang tinggal di institusi penjagaan tersebut, dan ianya berpotensi untuk dikomersialkan kepada pusat penjagaan warga emas, organisasi kerajaan dan swasta (CSR) pelajar IPT, sekolah, komuniti, serta individu persendirian dengan harga serendah RM35 bagi sebuah kit.

"Ia juga mempunyai keunikan tersendiri kerana bersifat komprehensif dimana ianya mengandungi buku panduan bagi membantu sukarelawan untuk melaksanakan aktiviti. Hasil pencarian paten juga mendapati produk ini bersifat eksklusif dimana tiada produk seperti ini dalam pasaran tempatan. Pembungkusan modul yang menarik, dan ianya sangat relevan untuk kegunaan pelbagai peringkat umur,".

"Saya berharap agar modul ini mampu memberi idea dan inspirasi kepada semua dalam usaha mendekati dan menghargai warga emas, seterusnya memupuk empati serta menanamkan sifat kasih sayang terhadap mereka," katanya.

Produk inovasi ini pernah memperoleh beberapa pencapaian yang membanggakan antaranya pingat Emas Anugerah Inovasi Dalam PdP



Kokurikulum, Persidangan Kokurikulum Universiti 2019, dan Naib Johan Inovasi Terbaik Keseluruhan Kokurikulum Universiti 2019 serta merupakan Finalis, Piala Sukarelawan, Kementerian Pengajian Tinggi 2017.

SENSES juga terbukti berkesan apabila berjaya mengadakan rundingan bersama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Selain itu, Dr. Hapsah juga pernah dijemput oleh Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) untuk memberikan latihan kepada kakitangan mereka dalam membantu warga emas yang terlibat dengan ketagihan dadah.

PENGIKTIRAFAN

1. Pingat Emas Anugerah Inovasi Dalam PdP Kokurikulum, Persidangan Kokurikulum Universiti 2019
2. Naib Johan Inovasi Terbaik Keseluruhan Kokurikulum Universiti 2019
3. Finalis, Piala Sukarelawan, Kementerian Pengajian Tinggi, 2017



UPSI ERAT JARINGAN ANTARABANGSA SECARA MAYA



UPSI, 3 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), mempererat jalinan hubungan dengan Quanzhou Preschool Education College (QZPEC), China melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU).

Kolaborasi yang diadakan secara maya itu bertujuan membolehkan kedua-dua pihak mengadakan pertukaran pelajar, akademik dan lawatan, serta di bawah perjanjian itu juga, QZPEC akan mendaftarkan pelajarannya untuk mengikuti kursus setiap tahun.

MoU ini ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang menjalankan fungsi Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff manakala QZPEC diwakili oleh Presiden, Lin Qingquan.

Pengarah Pusat Antarabangsa dan Mobiliti, Profesor Zaharul Lailiddin Saidon berkata, beliau gembira kerana setelah lebih dari satu tahun kedua-dua pihak bekerja keras, akhirnya pada hari ini dapat meraih hasilnya dan berharap dapat mengadakan lawatan setelah wabak Covid-19 reda.

Sementara itu, Naib Presiden QZPEC, Encik Chen Jiangping berharap agar lebih banyak kerjasama dalam bidang pendidikan antara China dan Malaysia dapat diadakan walaupun ketika ini kedua-dua pihak sedang berada dalam tempoh yang sukar. Hal ini juga akan mendorong lebih banyak kerjasama dan pertukaran antara kedua-dua negara.



UPSI PROAKTIF BANTU KOMUNITI MUALLIM

UPSI, 5 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bertindak proaktif membantu komuniti daerah Muallim dalam situasi penularan COVID-19 yang memberi kesan kepada kehidupan mereka.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang menjalankan fungsi Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Md Amin Md Taff berkata, usaha itu mencerminkan komitmen dan keprihatinan UPSI dalam membantu komuniti serta pelbagai agensi kerajaan di daerah Muallim.

"Dalam keadaan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP), UPSI senantiasa bersedia membantu untuk kebajikan komuniti sekitar Muallim seperti masyarakat yang kurang bernasib baik serta agensi kerajaan yang menjadi barisan hadapan," katanya.

Beliau berharap bantuan yang diberikan oleh UPSI kepada komuniti dapat membantu dan meringankan beban mereka dalam menghadapi COVID-19.

Tambah beliau, UPSI antara universiti yang giat memberi kerjasama dalam pelbagai bentuk dan diharapkan ia dapat memberi manfaat kepada pihak yang menerima sumbangan.

"UPSI juga senantiasa menjaga kebajikan pelajar yang berada di kampus dengan menghulurkan bantuan makanan dan barangan keperluan,"

"Antara bantuan yang diberikan UPSI berbentuk Pakaian Perlindungan Diri (PPE) yang dijahitkan oleh sukarelawan dan kakitangan Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV), makanan dan barangan keperluan, air mineral serta kemudahan bas,"

"Selain itu, baru-baru ini juga UPSI menerusi UPSI Holding dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) menyumbangkan 130 kotak air mineral kepada pasukan barisan hadapan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Slim River yang bertugas di sekatan jalan raya," katanya.

Beliau menambah, Tabung Prihatin UPSI yang diuruskan Jabatan Bendahari turut menyumbang barangan keperluan kepada lapan keluarga terdiri daripada golongan ibu tunggal, asnaf dan fakir miskin yang tinggal di Felda Sungai Behrang kira-kira 15 kilometer dari UPSI.

"Sumbangan ini adalah komitmen yang digerakkan oleh Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) yang giat melaksanakan aktiviti berbentuk kebajikan untuk komuniti setempat,"

"Kami mengalu-alukan kepada mana-mana pihak termasuk korporat yang ingin memberi sumbangan kepada Tabung Prihatin," katanya.

TRAVELOVE TEROKAI DUNIA SECARA MAYA



Oleh: Megat Afnan Zuhairi Ahmad Hassan (Pelajar Praktikal UiTM)

UPSI, 5 Jun - Meskipun kini di era pandemik, namun ianya tidak menghalang Majlis Mahasiswa Kolej Ungku Omar, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk terus menerokai dunia dengan penganjuran Program Travelove: Let's Enjoy The Journey secara atas talian, melalui platform Google Meet dan Facebook.

Program yang julung kali diadakan itu menampilkan empat panel jemputan yang berpengalaman menetap di Jerman, Jepun, Turki dan Mesir, untuk berkongsi pengetahuan mereka dari segi bahasa, budaya, pemakanan dan adat di negara yang pernah mereka diami.

Program yang berdurasi selama 3 jam itu bersiaran langsung merangkumi 4 episod yang berbeza, bertujuan memberi pendedahan kepada belia tentang kepentingan mendapatkan kesahihan sesuatu isu dan penjelasan yang tepat daripada pihak yang berautoriti.

Di samping itu, program sebegini berpotensi dalam meluaskan pemikiran belia untuk lebih

terbuka dan kreatif dalam membincangkan pelbagai topik serta membolehkan mereka mempersiapkan mental dan fizikal dalam menghadapi segala cabaran pada masa akan datang.

Majlis penutup program dirasmikan oleh Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), merangkap pemangku Timbalan Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Md. Amin Md. Taff.

Menurut beliau, inisiatif ini perlu diteruskan bagi membuka minda belia terhadap dunia luar serta mendedahkan mereka kepada cara budaya hidup di negara lain.

"Program ini juga dapat menanam sifat nilai murni dalam menghargai perbezaan budaya dan keunikan masyarakat lain. Pengembaraan ini tidak tertakluk kepada perbelanjaannya, akan tetapi kepada apa yang dipelajarinya. Harga perjalanan itu murah tetapi pengalaman yang bakal diperolehi itu mahal" katanya.

GURU 'ONE-OFF' UTAMAKAN GRADUAN PENDIDIKAN

UPSI, 21 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyambut baik langkah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menawarkan 18,702 jawatan guru pada tahun ini.

Langkah itu bertujuan mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara yang diumumkan menerusi sidang media kelmarin oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Radzi Jidin.

UPSI mengucapkan terima kasih kepada KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kerajaan Malaysia kerana proaktif dan bingkas membantu graduan pendidikan yang masih menunggu penempatan termasuk graduan pendidikan dari UPSI.

Langkah ini pastinya memberikan nafas lega kepada ribuan graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dari universiti awam yang sedang menunggu penempatan sekali gus akan memotivasikan graduan untuk mencurahkan bakti mereka dalam memartabatkan mutu pendidikan negara.

Graduan ISMP dari universiti awam dan Institut Pendidikan Guru (IPG) diberikan keutamaan sepenuhnya mengisi kekosongan jawatan sebagai calon pendidik terlatih kerana mereka mengikuti pelbagai latihan profesionalisme guru.

Setiap tahun universiti pendidikan melahirkan graduan berkualiti dalam bidang Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Khas, Pendidikan Agama Islam serta Reka Bentuk dan Teknologi untuk keperluan sekolah menengah.

Sehubungan itu, Pengarah Pusat Kerjaya & Keusahawanan Graduan (EDGE) UPSI, Dr Sharul Effendi Janudin menyokong inisiatif murni pihak KPM ini.

Bagi menggalakkan pengisian perjawatan guru secara sistematik dan menepati unjuran, beliau turut mencadangkan agar diwujudkan satu pangkalan data bersepadu di antara universiti awam yang menawarkan bidang pendidikan, IPG dan KPM. Pangkalan data ini pastinya dapat mewujudkan unjuran pengambilan, bidang pengajian, kekosongan perjawatan dan proses penempatan yang lebih sistematik.



Dr. Shahrul Effendi Janudin

Pihak UPSI bersedia bekerjasama erat dengan KPM, IPG dan Majlis Dekan Pendidikan untuk merealisasikan idea pangkalan data yang bersepadu ini", tambahnya lagi.

Berkaitan isu kualiti guru yang hangat diperdebatkan kebelakangan ini, beliau menegaskan bahawa UPSI dan setiap universiti yang menawarkan program pendidikan sentiasa menitikberatkan faktor kualiti dalam latihan pendidikan perguruan yang berlangsung selama hampir empat tahun di universiti awam. Selain kemahiran mendidik, para graduan ISMP juga dilengkapi pelbagai kemahiran profesionalisme keguruan, komunikasi, penyelesaian masalah, teknologi IR 4.0, pengurusan malahan hubungan antarabangsa. Langkah ini dilaksanakan agar bakal guru ini dapat melahirkan murid yang holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

DATO' (DR.) IR. MUHAMMAD GUNTOR MANSOR TOBENG DILANTIK PROF ADJUNG DI FSM

UPSI, 23 Jun - Kebolehpasaran graduan merupakan salah satu agenda utama di dalam perancangan hala tuju dan petunjuk prestasi sesebuah universiti. Justeru, Fakulti Sains dan Matematik (FSM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melaksanakan pelbagai inisiatif demi memastikan graduan yang dihasilkan dapat menempatkan diri di dalam dunia pekerjaan.

FSM bukan sahaja menawarkan program akademik berteraskan STEM yang mempunyai pendekatan holistik dan memenuhi keperluan masa hadapan, malahan menjayakan kolaborasi dengan pelbagai pihak sama ada dalam negara dan juga antarabangsa serta bersama pihak industri.

Justeru, UPSI melantik YBhg Dato' (Dr.) Ir. Muhammad Guntor Mansor Tobeng sebagai Profesor Adjung di bawah FSM bermula 1 Jun 2021 sehingga 30 Mei 2023.

Beliau merupakan pengasas dan pengarah urusan Gading Kencana Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat perkhidmatan dan pembekalan tenaga boleh diperbaharu, khususnya solar. Industri solar merupakan salah satu industri yang sangat pesat dan telah menunjukkan perkembangan yang positif di Malaysia. Ini adalah juga salah satu usaha untuk merapatkan jurang antara universiti dengan industri dengan kata lain mengindustrikan universiti. Kebersamaan industri dengan universiti ini diharapkan dapat membantu universiti dalam memberi idea terutamanya pembinaan program akademik yang menyediakan pelajar yang diperlukan industri sebelum memasuki dunia pekerjaan kelak.

Dato' (Dr.) Ir. Muhammad Guntor Mansor Tobeng juga merupakan tokoh terkemuka dalam perniagaan industri tenaga di Malaysia yang telah mendapat banyak anugerah dari dalam dan luar negara. Pemilihan YBhg Dato' (Dr) Guntor sebagai Profesor Adjung di Fakulti Sains dan



*Dato' (DR.) IR. Muhammad Guntor
Mansor Tobeng*

Matematik juga adalah berdasarkan pengalaman beliau yang sangat luas di dalam bidang ini serta inovasi-inovasi yang pernah beliau lakukan berkaitan bidang tenaga yang boleh diperbaharui ini di dalam dan luar negara.

Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang bersama Dato' (Dr.) IR. Muhammad Guntor Mansor Tobeng termasuklah beberapa siri syarahan, seminar dan bengkel yang melibatkan pemindahan ilmu, terutamanya di dalam bidang ilmu dan industri tenaga boleh diperbaharui bersama tenaga akademik dan mahasiswa FSM.

Justeru, melalui pelantikan Profesor Adjung daripada industri ini, diyakini ia akan membuka mata dan minda mahasiswa tentang peluang mereka untuk menerokai alam pekerjaan di bidang

industri selain meletakkan kebergantungan terhadap sektor kerajaan sahaja. Perancangan lain yang mendapat persetujuan beliau adalah penempatan latihan industri mahasiswa dan program sangkutan tenaga akademik FSM di Gading Kencana Sdn Bhd itu sendiri.

Langkah itu akan mengaitkan industri tenaga yang boleh diperbaharui dengan bidang Sains tertentu sahaja seperti Fizik, namun melalui perbincangan yang telah dilakukan bersama, pelbagai bidang di dalam bidang Sains dan Matematik juga ada kaitannya dengan industri ini, termasuklah Kimia, Biologi dan juga Matematik.

Tenaga-tenaga pakar dari FSM juga akan turut bersama-sama berkongsi kepakaran mereka dengan Gading Kencana Sdn Bhd agar kerjasama ini dilihat seimbang antara kedua-dua pihak.

FSM berhasrat untuk terus memperluaskan lagi hubungan dan kerjasama dengan pelbagai industri pada masa akan datang. Sokongan industri terhadap universiti akan melahirkan graduan yang boleh dijadikan tenaga kerja mereka kelak dan tidak hanya melalui penglibatan menerusi temuduga terbuka di dalam kampus sahaja.



WEBINAR SEJARAH WARISAN NEGARA

MyCAT/CHAMP disediakan

TINGGALAN SEJARAH
WARISAN NEGARA

f LIVE

PANEL JEMPUTAN
Dr. Yuska Bin Sauman
Pensyarah Kanan Jabatan
Sejarah, UPSI

PERASMI
Professor Dr. Tajul
Sulaiman Bin Said
Pegawai MPN

MODERATOR
Ghaisani Radiah

Sabtu 1 26 Jun 2021
9:30 Pagi-12:30 Tengah hari

f Persatuan Sahabat Muzium-UPSI
ANJURAN: EXCO PERHUBUNGAN AWAM PESAMU

Oleh : Anis Syazwani Mohmed Azmi (Pelajar Praktikal UiTM Arau)

UPSI, 26 Jun – Warisan adalah tinggalan sejarah yang amat berharga bagi sesebuah negara. Kepentingan warisan menyebabkan banyak negara di dunia berusaha untuk memulihara dan menjaga bahan-bahan ini. Namun untuk menjaga dan memulihara warisan tersebut perlulah ada usaha yang berterusan supaya nilainya dapat dikekalkan untuk tatapan dan rujukan generasi akan datang.

Melihat peri pentingnya tinggalan ini, Exco Perhubungan Awam Persatuan Sahabat Muzium (PESAMU) dengan kerjasama Muzium Pendidikan

Nasional Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengambil langkah proaktif menganjurkan Webinar bertajuk Tinggalan Sejarah : Warisan Negara.

Dalam majlis yang diadakan secara maya menerusi laman Facebook Persatuan Mahasiswa Sejarah UPSI itu, Panel Jemputan, Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Dr. Yunus Sauman berkongsi ilmu dan pengalaman sepanjang beliau melakukan penyelidikan berkaitan artifak dan arkeologi di tapak-tapak bersejarah.

Terlebih dahulu, beliau memberi penerangan ringkas mengenai hubungan sejarah dan arkeologi.

Menurut beliau, perbandingan yang dapat dilihat antara sejarah dan arkeologi adalah daripada sumber yang dijumpai di mana artifak selalu dijumpai daripada dokumen atau bahan lama dalam bentuk penulisan, penganalisan dan penilaian dokumen.

“Proses terciptanya sejarah dimulai dengan penganalisis penilaian, menginterpretasi, dan kesimpulan untuk melahirkan satu penulisan baharu sejarah. Jadi ia boleh dikatakan bahawa sejarah itu akan terkait rapat dengan aktiviti yang terdapat di bangunan, gedung, perpustakaan dan sebagainya.”

“Arkeologi pula sering dikaitkan dengan monumen-monumen lama di mana pakar-pakar arkeologi akan membuat penggalian dan pencarian. Antara bahan-bahan yang sering dijumpai semasa penggalian adalah emas, fosil, tembikar atau seramik peninggalan zaman dahulu. Penemuan tersebut adalah sangat berharga dan penting kepada penyelidikan malah memberi sumbangan yang besar meskipun hasil penemuan hanyalah sedikit bagi arkeologi namun ia adalah satu data

sejarah yang sangat berharga,” katanya.

Tambah beliau, penganalisis yang berkaitan dengan bahan-bahan arkeologi yang canggih terdapat di Pusat Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (USM).

Di situ terdapat pelbagai alat-alat dan pelaburan yang banyak seperti alatan ‘Scanning Electron Microscope’. Ia merupakan alat yang tercanggih dalam bidang arkeologi di mana dalam kajian batu-bata candi di Lembah Bujang, pakar arkeologi hanya boleh mengenali batu bata candi dari segi saiz, panjang, lebar, tebal, dan jenis tanah.


Namun, sekarang mereka juga dapat mengenali pasti jenis-jenis mineral yang terdapat di dalam batu bata tersebut dengan hanya meletakkan di bawah peralatan ‘Scanning Electron Microscope’. Penilaian dari segi kaedah interpretasi juga kini menjadi lebih baik dan meyakinkan disebabkan adanya kaedah dan alat-alat sains yang lebih canggih,” jelas beliau.

Arkeologi di Malaysia

- Pihak yang terlibat dgn kajian arkeologi



WARISAN
 جايڠن واريڠن زكيا
 JABATAN WARISAN NEGARA



AKADEMIA UPSI TERIMA PENGIKTIRAFAN DARI INDIA



Universiti Pendidikan Sultan Idris - Tiga kakitangan akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima pengiktirafan sempena persidangan 'New Dimensions in Science and Technology and Faculty Award 2021' anjuran Arunai International Research Foundation (AIRF) yang berpusat di Tiruvannamalai, India.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Suriani Abu Bakar melahirkan rasa gembira dan bangga atas pengiktirafan yang diberikan oleh sebuah organisasi dari India itu.

"Ketiga-tiga akademia ini memperlihatkan sumbangan dalam bidang kepakaran mereka dan semoga lebih ramai lagi akademia UPSI memperolehi pengiktirafan sama ada peringkat nasional atau antarabangsa dalam bidang masing-masing," katanya.

Anugerah tersebut diterima pada 10 Julai lalu secara dalam talian atas sumbangan yang cemerlang dan futuristik dalam bidang pendidikan.

Pada majlis itu, menyaksikan Timbalan Naib

Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Marzita Puteh dinobatkan sebagai penerima anugerah Dr. C. V. Raman Anugerah Penyelidikan Inovatif Antarabangsa 2021.

Sementara itu, Professor Madya Dr. Balamuralithara Balakrishnan dari Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK), pula menerima anugerah dari Dr. A.P.J Abdul Kalam Anugerah Saintis Inovatif Antarabangsa 2021, manakala Dekan Fakulti Sains dan Matematik, Professor Madya Dr. Haniza Hanim Mohd Zain pula menerima anugerah Anugerah Saintis Inovatif Antarabangsa 2021 daripada Dr. Srinivasa Ramanujan

AIRF diasaskan oleh Pengarah, Puan Ekambaram Radha dan Pengerusi, Dr.Kasi Kamalakannan yang terlibat secara aktif dalam mempromosikan bidang penyelidikan dan pendidikan untuk dimanfaatkan oleh seluruh dunia.

UPSI BANTU SERAH BANTUAN KEPADA ORANG ASLI KAMPAR

Tanjung Malim - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sentiasa prihatin dengan masalah sosio-ekonomi yang dihadapi komuniti sekitar kampusnya dan melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff, UPSI berkata sehubungan itu UPSI menubuhkan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) yang bertujuan menggerakkan pelbagai program bagi membantu masyarakat setempat termasuk dari kalangan komuniti orang Asli.

"Di bawah UCTC, kami juga menubuhkan ResQ Team yang turut terbabit membantu mangsa banjir di negeri-negeri yang mengalami bencana," katanya.

UCTC dengan kerjasama Bahagian Pengangkutan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) membantu pengurusan Poliklinik Bakti Aminin, Tanjung Malim menyampaikan sumbangan kepada penduduk orang Asli.

Menurut Pengarah UCTC, Prof. Madya Dr .Norkhalid Salimin sumbangan dan bantuan di bawah projek UPSI Prihatin itu disampaikan kepada penduduk perkampungan Orang Asli, Kampung Batu Berangkai, Kampar, Perak.

"Kami membantu untuk membawa sebanyak 100 set makanan kering yang bernilai RM4,000.00 dengan anggaran berat sebanyak 1.4 tan," katanya.

Beliau berkata bantuan untuk 100 keluarga itu 100 kampil beras (10kg), gula, tepung gandum, minyak masak, telur, biskut dan sardin tin.

Timbalan Pengarah UCTC, Prof. Madya Dr. Mohd Azlan Nafiah berkata Poliklinik Bakti Aminin diwakili oleh Dr. Shafie Abd. Ghafar bersama-sama menyampaikan bantuan.



Dr. Shafie mengucapkan terima kasih kepada UCTC yang membantu membawa dan menyampaikan sumbangan poliklinik beliau kepada penduduk.

BANTUAN ASAS PSIKOLOGI INTERVENSI AWAL TANGANI MASALAH WKESIHATAN MENTAL

1st MALAYSIA INTERNATIONAL WEBINAR ON PSYCHOLOGICAL FIRST AID

19-20 JUNE 2021
8.00 AM - 4.30 PM



SCAN HERE FOR REGISTRATION
Via **Zoom**

KEYNOTE SPEAKER



YBHG. TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
Director General, Ministry of Health Malaysia



YBHG. DATO' DR. ABDUL HALIM MOHD HUSSIN
President of PERKAMA International



PROF. DR. ATSURO TSUTSUMI
College of Human and Social Sciences, Kanazawa University, Japan

SPEAKER



YBHG. DATIN AZURA IBRAHIM
National Consultant, United Nations Humanitarian Response Depot (UNHRD) Kuala Lumpur, Malaysia



DR TOMOKO OSAWA
Assistant Manager Hyogo Institute for Traumatic Stress, Japan



PROF DR GEORGE EVERLY
Center for Public Health Preparedness, Johns Hopkins University, United States



DR. NURASHIKIN BT IBRAHIM
Public Health Medicine Specialist, Sector Head of the MeSVIPP, Ministry of Health Malaysia



DR DICKY PELUPESSY
Faculty of Psychology, Universitas Indonesia, Indonesia

ROUND TABLE DISCUSSION



MR TIMOTHY WING CHING TO
Founder of Post Crisis Counseling Network (PCCN), Hong Kong



DR PAU KEE
Director of Counselling Centre, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia



DR HARIYATI SHAHRINA ABDUL MAJID
Consultant Psychologist (MERCY) Malaysia & HR Wellness, Dev, Malaysia

OPENING CEREMONY OFFICIATED BY:
YBHG. PROF. DATO' DR MD AMIN MD TAFF
Deputy Vice Chancellor (Student Affair & Alumni) Acting as Vice Chancellor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia

E-CERTIFICATES AND CPD POINTS

REGISTRATION FEE

- Non-Member of PERKAMA International/PSIKEM - RM200
- Member of PERKAMA International/PSIKEM - RM150
- Postgraduate Student - RM150
- Undergraduate or Diploma Student - RM120
- International Participant - USD100

PLEASE PAY TO

Maybank
562142422170

• Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA International)

FOR ANY INQUIRIES, PLEASE CONTACT:

Dr Pau Kee (+60 16-722 8023)
UPSI & PERKAMA International

Mr Lee Boon Hock (+60 16-640 8869)
PSIKEM



COVID-19 yang semakin menganas.

Program kolaborasi webinar antarabangsa bertajuk "1st Malaysia International Webinar on Psychological First Aid" yang dilaksanakan pada 19 dan 20 Jun bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan, kemahiran dan pelaksanaan Bantuan Asas Psikologi dalam kalangan doktor perubatan, jururawat, psikiatri, ahli psikologi klinikal, kaunselor, pekerja sosial, sukarelawan dan individu yang terlibat dalam profesion menolong di Malaysia. Bantuan Asas Psikologi sebagai langkah intervensi awal dalam menghadapi peningkatan isu-isu kesihatan mental pada era pandemik COVID-19.

Program dirasmikan Timbalan Naib Canselor UPSI yang menjalankan fungsi Naib Canselor UPSI YBhg Profesor Dato Dr Md Amin Bin Md Taff, dan penutupan rasmi oleh Profesor Madya Dr Abdul Rahim Razalli, Dekan Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI.

Pengarah Program yang juga Pengarah Pusat Kaunseling UPSI dan ahli eksekutif PERKAMA International, Dr Pau Kee berkata inisiatif itu merupakan kolaborasi Pusat Kaunseling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama-sama Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA International), Persatuan Profesion Psikologi Kementerian Kesihatan Malaysia (PSIKEM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI dan Psychological First Aid Team UPSI

Tanjong Malim, 19 Jun 2021 - Lima negara serantau iaitu Malaysia, Indonesia, Hong Kong, Japan dan Amerika Syarikat berkongsi pengetahuan Bantuan Asas Psikologi dalam dimensi baharu untuk mendepani era pandemik

serta pakar-pakar PFA dan pengurusan bencana dari Malaysia, Indonesia, Hong Kong, Japan dan Amerika Syarikat.

“Dalam krisis pandemik COVID-19, bukan sahaja solidariti dari rakyat Malaysia dalam menjaga SOP penting untuk membendung penularan COVID-19, bahkan juga solidariti profesional dari pelbagai latar belakang disiplin sama ada dalam atau luar negara penting untuk menjaga dan mempromosi kesejahteraan kesihatan dan mental dalam diri setiap orang. Bantuan Asas Psikologi yang berbentuk perikemanusiaan, sokongan, dan bantuan psikologi awal yang praktikal dapat dilaksanakan untuk membantu individu yang mengalami distres, krisis, atau trauma dalam mendepani pandemik ini.”

“Pengaplikasian PFA dalam dimensi baharu COVID-19 ini memerlukan kreativiti petugas PFA dengan mengintegrasikan teknologi agar PFA dapat diteruskan secara atas talian. Usaha ini bukan sahaja menjaga SOP yang ditetapkan, bahkan juga lebih ramai rakyat Malaysia akan mendapat manfaat daripada perkhidmatan atas talian jika diperlukan.”

Manakala Pengarah Projek 2 dari Persatuan Profesion Psikologi Kementerian Kesihatan Malaysia (PSiKEM), Lee Boon Hock juga menyatakan bahawa kini rakyat Malaysia menghadapi situasi yang penuh dengan ketidakpastian serta kerisauan akibat pandemik COVID-19 ekoran kedatangan PKP ketiga.

Rakyat menghadapi isu-isu psikososial seperti sokongan emosi, psikologi dan kaunseling, kesihatan, kes perhubungan dan rumah tangga, kes psikiatri, kes untuk keperluan, sumbangan atau bantuan, dan kewangan. Justeru itu, dengan adanya pendekatan ilmu Bantuan Asas Psikologi PFA, ia sudah tentu dapat meningkatkan daya ketahanan atau resiliensi rakyat Malaysia dalam hadapi pandemik COVID-19 ini.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia, Dr Nurashikin Ibrahim berkata keadaan sekarang semakin mencabar dan memerlukan kerjasama seluruh rakyat Malaysia dan petugas-petugas barisan hadapan untuk bergading bahu dalam memutuskan rantai COVID-19. Bantuan Asas Psikologi dalam talian adalah penting memberi sokongan dan bantuan dari aspek emosi dan psikologi bagi individu yang memerlukan. Semua orang perlu tahu Bantuan Asas Psikologi agar dapat membantu diri dan membantu orang lain.”

1st MALAYSIA INTERNATIONAL WEBINAR ON PSYCHOLOGICAL FIRST AID

**SATURDAY | DAY 1
19 JUNE 2021**

TENTATIVE PROGRAMME

KEYNOTE SPEAKER 1:
LEADERSHIP IN CRISIS MANAGEMENT DURING COVID-19
YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Director General, Ministry of Health, Malaysia

KEYNOTE SPEAKER 2:
THE MOVEMENT OF PSYCHOLOGICAL FIRST AID - HOW SOLIDARITY OF MALAYSIA COUNSELLORS HELP?
YBhg. Dato' Dr. Abdul Halim Mohd Hussin
President of PERKAMA International, Malaysia

KEYNOTE SPEAKER 3:
REVOLUTION OF PSYCHOLOGICAL FIRST AID IN RESPONDING TO COVID-19: FROM MY WHO AND GLOBAL EXPERIENCE
Prof. Dr. Atsuro Tsutsumi
Kanazawa University, Japan

TOPIC 1:
HUMANITARIAN SUPPLY CHAIN CHALLENGE DURING PANDEMIC
YBhg. Datin Azura Ibrahim
National Consultant, United Nation Humanitarian Response Depot, Kuala Lumpur, Malaysia

TOPIC 2:
PSYCHOLOGICAL FIRST AID AS EARLY INTERVENTION OF STRESS AND TRAUMATIC MANAGEMENT DURING CRISIS
Dr. Tomoko Osawa
Hyogo Institute for Traumatic Stress, Japan

TOPIC 3:
JOHN HOPKINS PSYCHOLOGICAL FIRST AID RAPID MODEL - REVIEW OF DEFINITION, NEED AND RESEARCH
Professor George Everly
Center for Public Health Preparedness, Johns Hopkins University, United States

TOPIC 4:
THE ROLE OF MENTAL HEALTH PSYCHOSOCIAL SUPPORT SERVICES (MHPSS) DURING COVID-19
Dr. Nurashikin Ibrahim
Public Health Medicine Specialist and Senior Head of MHPSS, Ministry of Health, Malaysia

TOPIC 5:
INTEGRATING PSYCHOLOGICAL FIRST AID IN CRISIS MANAGEMENT IN INDONESIA
Dr. Dicky Pelupessy
Faculty of Psychology, Universitas Indonesia, Indonesia

ROUND TABLE DISCUSSION 1:
PSYCHOLOGICAL FIRST AID FOR HUMANITARIAN RESPONSES
Mr. Timothy Wing Ching To
Founder of Post Crisis Counseling Network (PCCN), Hong Kong

ROUND TABLE DISCUSSION 2:
PSYCHOLOGICAL FIRST AID FOR HIGHER EDUCATION
Dr. Pau Kee
Director of Counseling Centre, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia

ROUND TABLE DISCUSSION 3:
PSYCHOLOGICAL FIRST AID FOR COMMUNITY
Dr. Hariyati Shahrina Abdul Majid
Consultant Psychologist (MERCY) Malaysia and HR Wellness Dev., Malaysia

Seramai 12 orang pakar dari lima negara yang berbeza berkongsi kepakaran dan pengalaman iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Abdullah [Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia], YBhg. Dato Dr. Abd Halim Mohd Hussin [Presiden, Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa], Profesor Dr. Atsuro Tsutsumi [Kanazawa University Japan], Datin Azura Ibrahim (National Consultant United Nation Humanitarian Response Depot, Malaysia), Dr. Tomoko Osawa [Hyogo Institute for Traumatic Stress, Japan], Profesor Dr. George Everly [Center for Public Health Preparedness, Johns Hopkins University, Amerika Syarikat], Dr. Nurashikin Ibrahim [Pakar Perubatan Kesihatan Awam & Ketua Sektor MeSVIPP, Malaysia], Dr. Dicky Pelupessy [Fakultas Psikologi, Universitas Indonesia, Indonesia], Timothy To [Executive Director, Post Crisis Counseling Network, Hong Kong], Dr. Pau Kee [Pengarah Pusat Kaunseling UPSI, Malaysia], dan Dr. Hariyati Shahrina Abdul Majid (Consultant Psychologist, MERCY Malaysia & HR Wellness Development).

PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN PORTAL SEDIA LEBIH 3 JUTA BAHAN DIGITAL

Penularan Covid-19 menyebabkan situasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) tidak menentu serta akses kepada sumber ilmu juga terkesan. Di peringkat pengajian tinggi, sumber rujukan penting untuk mahasiswa menyiapkan tugas selain PdP.

Justeru, Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) proaktif membangunkan Pustaka Knowledge Portal (Pustaka) bertujuan membolehkan mahasiswa mengakses bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan tanpa mengira masa dan juga di mana anda berada.

Berucap melancarkan Pustaka Knowledge Portal (Pustaka) yang dibangunkan sepenuhnya oleh kakitangan PTB, Naib Canselor, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata Pustaka memuatkan lebih daripada 3 juta bahan digital sama ada dalam bentuk buku, makalah, jurnal dan sebagainya yang boleh diakses di mana-mana sahaja berada dan juga pada bila-bila masa.

Beliau berkata mahasiswa berada di kampung halaman masing-masing dan perpustakaan terpaksa ditutup, malah mahasiswa dan masyarakat tidak boleh bergerak dengan bebas dan akibatnya berlaku sedikit gangguan terhadap proses pemerolehan bahan.

"Ia boleh diakses secara menggunakan peranti mobile ataupun komputer. Jadi, sama-sama kita gunakan kemudahan yang ada ini untuk meningkatkan lagi situasi pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya menjadikan masyarakat Malaysia sebagai masyarakat berilmu. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh barisan pengurusan dan warga PTB atas inisiatif yang sangat proaktif ini," katanya.

Menurut beliau bermula tahun 2002, PTB mula mengorak langkah menggunakan sistem perpustakaan bersepadu ke arah mendigitalkan perkhidmatan.

Pemangku Ketua Pustakawan, Noriha berkata PTB kini mengorak langkah dalam era pemodenan perkhidmatan atas talian dengan pengenalan

portal baharu yang memberi penekanan dengan meletakkan sumber bahan terus di muka hadapannya.

"Jika dahulu, pengguna perlu log masuk ke dalam beberapa portal berasingan untuk menggunakan sumber-sumber yang dilanggan oleh pihak perpustakaan seperti pangkalan data dalam talian, namun kini dengan kemudahan single-sign-on pengguna tidak lagi perlu berbuat demikian," katanya.

Pengguna, katanya, dipersembahkan dengan mekanisme log masuk sekali sahaja untuk mengakses jutaan bahan bacaan dalam talian di samping akses kepada metadata bahan fizikal yang terdapat dalam simpanan PTB.

Beliau berkata selain daripada itu, antara muka carian bahan perpustakaan kini juga jauh lebih mudah apabila hasil carian turut menunjukkan lokasi di rak spesifik sesuatu bahan itu ditempatkan.

"Fungsi ini turut dinantikan oleh pengguna perpustakaan kerana mereka tidak lagi perlu berlegar-legar antara rak untuk mencari bahan yang diperlukan," katanya, "katanya.

Portal baharu itu juga mempunyai antaramuka yang responsif iaitu ia akan mengikut saiz skrin peranti yang digunakan untuk mengakses portal berkenaan seterusnya memberikan pengalaman interaksi terbaik antara pengguna dan setiap elemen pada skrin mereka.

Menurut Noriha penggunaan portal baharu itu dijangka melonjakkan indeks kepuasan pengguna berikutan memudahkan banyak interaksi yang sebelum ini agak rumit.

"Dengan lebih daripada 350,000 naskah bahan fizikal dan 4 juta bahan elektronik, portal baharu ini diharapkan dapat memberikan pengguna PTB bahan yang mereka perlukan dengan sistematik," katanya.



Pustaka Knowledge Portal kini diintegrasikan dengan UDRep. Carian bahan dapat dilakukan secara terus menerus antaramuka Discovery Services yang disediakan.



Pengintegrasian ini dijayakan dengan penggunaan sWADAH Searcher API yang dibangunkan sendiri oleh PTB dan kerjasama yang baik dengan vendor sistem perpustakaan iaitu Electric Library (M) Berhad. Melaluinya, UDRep adalah IR pertama seumpamanya yang diintegrasikan seperti ini dengan sebuah sistem pengurusan perpustakaan.

PDPR BAHASA ARAB GAMIFIKASI PINTAR A-SMART LU'BAH



Era pandemik Covid-19 yang melanda dunia telah memberi kesan kepada banyak sektor dan mengubah norma kehidupan sedia ada kepada norma baharu. Sektor pendidikan negara adalah antara sektor yang banyak menerima kesan daripada pandemik Covid-19 ini. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka terpaksa dihadkan dan diganti dengan

aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian atau dikenali dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Justeru, pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof Madya Dr Saipolbarin Ramli berjaya membangunkan produk inovasi untuk pengajaran bahasa Arab bagi memastikan

para pelajar tidak terus tercicir, kerana aktiviti PdPR dilihat berperanan besar bagi memastikan kelangsungan pembelajaran pelajar dapat diteruskan.

Beliau berkata aktiviti PdPR ini walaupun baharu, tetapi ia tetap perlu dilaksanakan dan semua pihak perlu menyokong dan memainkan peranan dalam memastikan ia berjalan lancar.

PdPR ini tidak hanya digalas oleh guru-guru di sekolah dan para pensyarah di universiti sahaja, tetapi ibu bapa dan para pelajar yang berada di rumah juga perlu memainkan peranan masing-masing.

"Pembangunan gamifikasi pintar A-Smart Lu'bah dilihat amat bersesuaian dan bertepatan untuk dipraktikkan secara meluas bagi menyokong dan membantu aktiviti PdPR bahasa Arab.

A-Smart Lu'bah, katanya, merupakan model gamifikasi pintar permainan bahasa Arab yang dibangunkan bertujuan untuk menyediakan suatu medium alternatif dalam aktiviti PdPR bahasa Arab di Malaysia.

Model gamifikasi A-Smart Lu'bah ini merupakan hasil gabungan idea inovasi oleh pakar bahasa Arab UPSI yang diketuai oleh Prof. Madya. Dr. Saipolbarin Ramli bersama-sama ahli kumpulan yang lain dengan dibiayai oleh Geran Penyelidikan Dalam UPSI (GPU). Ia dibangunkan dengan menggunakan pendekatan konsep didik hiburan dan belajar sambil bermain.

Dr Saipolbarin berkata A-Smart Lu'bah dibangunkan dengan menggunakan dwi-bahasa dan merupakan gamifikasi pembelajaran bahasa Arab yang mesra pengguna, ringkas serta menarik. Ia dilengkapi dengan manual penggunaan, nota kandungan, latihan sendiri dan rekod penggunaan.

Selain itu, penyediaan contoh jawapan dalam bentuk audio melalui imbasan QR kod dan penggunaan teknologi A.R secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar dan merangsang motivasi mereka untuk belajar. Melihat kepada senario sedia ada, aktiviti PdP bahasa Arab di Malaysia lebih tertumpu kepada kaedah stereotaip yang memberi fokus kepada aktiviti terjemahan dari bahasa penutur dan aktiviti menghafal.

Pembangunan A-Smart Lu'bah adalah medium alternatif yang boleh digunakan dalam aktiviti PdP bahasa Arab dengan menggabungkan elemen-elemen interaktif, teknologi, cybergogy, heutagogy dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). A-Smart Lu'bah ini berupaya untuk

yang menjadikan aktiviti PdP secara kolaboratif dan berpusatkan pelajar bersesuaian dengan pendekatan pembelajaran Education 4.0.

Menurut Dr Saipolbarin pembelajaran berasaskan kepada pengalaman dan pelajar dilibatkan secara langsung dalam gamifikasi A-Smart Lu'bah ini. Gamifikasi ini dibangunkan dengan berpandukan model Instruksional ADDIE dan juga model Integrasi Teknologi oleh Roblyer dengan memberi fokus kepada lapan tajuk utama yang terdapat dalam kurikulum Bahasa Arab di Malaysia.

Tajuk-tajuk ini seterusnya distrukturkan dalam bentuk permainan bahasa menggunakan formulasi kaedah pola ayat yang diolah semula dari formula asal struktur ayat dalam bahasa Arab dan terdiri daripada tiga aras iaitu aras mudah, sederhana dan sukar. Tajuk permainan ini ialah Smart Tarkib Idafiy 1, Smart Tarkib Idafiy 2, Smart Tarkib Na'tiy, Smart Tarkib Asas al-Jumal, Smart Jumlah Ismiyyah 1, Smart Jumlah Fi'liyyah dan Jumlah Ismiyyah, Smart Jumlah Ismiyyah 2 dan Smart Jumlah Fi'liyyah. Setiap tajuk ini distrukturkan dalam kad permainan dengan lapan warna yang berbeza untuk setiap satu.

Penggunaan A-Smart Lu'bah tidak terhad kepada para pelajar di peringkat universiti sahaja, tetapi juga sesuai untuk digunakan di sekolah-sekolah yang mempunyai aliran bahasa Arab. Kajian rintis telah dilakukan di beberapa buah sekolah menengah di negeri Perak, Selangor dan Pahang menunjukkan terdapatnya perubahan sikap terhadap pelajar sebelum dan selepas pelaksanaan A-Smart Lu'bah ini. Selain itu A-Smart Lu'bah juga telah mendapat pengiktirafan dengan memenangi lima pingat emas, dua pingat perak dan satu johan keseluruhan di pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Terdapat beberapa syarikat swasta tempatan yang menunjukkan minat untuk bekerjasama bagi memasarkan A-Smart Lu'bah ini.


Beliau berkata berpegang kepada konsep "Pembelajaran Bahasa Arab adalah sesuatu yang menyeronokkan dan mudah", A-Smart Lu'bah yang dibangunkan ini diharapkan dapat memberi nafas baharu dalam aktiviti PdP bahasa Arab di Malaysia.

Inovasi A-Smart Lu'bah juga dapat memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk mempelajari bahasa Arab dengan kaedah yang mudah, pantas dan menyeronokkan di samping dapat memberi cetusan idea kepada penyelidik bahasa Arab untuk membangunkan inovasi-inovasi yang berkaitan dengan aktiviti PdP bahasa Arab pada masa hadapan.

PEMBUKAAN SEMULA

Muzium Pendidikan Nasional

Jom Melawat



BERMULA 20 DISEMBER 2021
Waktu Lawatan / Visiting Hours
9 pagi - 4.30 petang / 9 A.M. - 4.30 P.M.
ISNIN - AHAD / MONDAY - SUNDAY

TABUNG ALUMNI Care

KONSEP ALUMNI BERBAKTI

"Selagi Hayat Dikandung Badan"

JOM MENYUMBANG

<https://epayment.upsi.edu.my>



Setiap sumbangan anda memberi seribu makna



SCAN QR CODE
UNTUK MENYUMBANG!



1
KLIK MENU **DERMA UPSI**

SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:

PUSAT ALUMNI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
Bangunan Pusat Pelajar
Kampus Sultan Azlan Shah
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan
Tel: 015-4879 7052

Tujuan Sumbangan Tabung Alumni Care

2
PILIH TUJUAN
SUMBANGAN:
TABUNG ALUMNI CARE



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY